



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM BAGI LEPASAN STPM/ SETARAF DIUMUM PADA 6 SEPTEMBER 2024

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin memaklumkan bahawa keputusan permohonan melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA) peringkat Sarjana Muda Sesi Akademik 2024/2025 bagi lepasan STPM/ Setaraf (STPM, STAM, Matrikulasi, Asasi dan Diploma) akan diumumkan pada **6 September 2024 (Jumaat)**.

Keputusan boleh disemak mulai **6 September 2024, jam 12.00 tengah hari hingga 15 September 2024, jam 5.00 petang** melalui platform seperti berikut:

- a) Secara atas talian melalui pautan;
 - i. <https://jpt.utm.my>
 - ii. <https://jpt.uum.edu.my>
 - iii. <https://jpt.unimas.my>
 - iv. <https://jpt.ums.edu.my>
 - v. <https://jpt.umt.edu.my>

- b) Melalui Aplikasi Mobile UPUPocket di telefon pintar.

Pengesahan setuju terima tawaran bermula pada **7 September 2024 hingga 15 September 2024** di laman web UA masing-masing. Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan oleh UA kepada yang berjaya mulai **7 September 2024** setelah calon membuat pengesahan setuju terima tawaran dalam tempoh yang dinyatakan.

Hanya pemohon yang **tidak berjaya** mendapat tawaran sahaja boleh mengemukakan permohonan rayuan melalui UPUOnline® bagi kemasukan ke UA di <https://upu.mohe.gov.my> dalam tempoh **10 hari mulai 6 September 2024, jam 12.00 tengah hari hingga 15 September 2024, jam 5.00 petang**.

Tawaran tempat bagi Sesi Akademik 2024/2025 adalah **muktamad** dan sebarang permohonan pertukaran program pengajian dan UA **tidak dibenarkan**. Dasar pemilihan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat yang ditawarkan mengikut program pengajian.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan UPUOnline® boleh dimajukan ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA secara terus di alamat berikut:

**BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 4, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**No. Tel : 03-8684 2363
E-mel : upu@mohe.gov.my
Facebook : KEMASUKAN BPKP JPT
Instagram : @KEMASUKANBPKA
TikTok : BKPAUPU**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
5 September 2024**